

DATE : 25 AUG 2017
 PUBLICATION : UTUSAN MALAYSIA
 SECTION : BISNES
 HEADLINE : SERBA DINAMIK SASAR JADI 10 SYARIKAT PILIHAN
 CATEGORY : COMPANY
 MEASUREMENT : 261CM²
 TONE : NEUTRAL
 REMARKS : NIL



KEUPAYAAN dan kemampuan Serba Dinamik setaraf syarikat asing dan membuka jalan untuk menarik projek di luar negara.

Bermula menerusi program VDP Pertronas

Serba Dinamik sasar jadi 10 syarikat pilihan

Oleh JOHARDY IBRAHIM
 johardy@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 24 OGOS

HARGA minyak mentah semasa yang merudum semenjak 2014 sememangnya memberi cabaran berat kepada syarikat minyak dan gas, terbi syarikat multinasional mahupun usahawan tempatan. Ada yang terpaksa melepaskan ribuan pekerja demi memastikan kestabilan perniagaan. Lebih malang lagi, ada juga yang terpaksa mengulangi tirai kerana tidak mampu bertahan.

Situasi itu turut dirasai Serba Dinamik Group Berhad (SDGB), syarikat tempatan yang menyediakan khidmat penyelesaian kejuruteraan beraf antarabangsa untuk industri minyak dan gas serta tenaga.

Namun, cabaran ini bukan menjadi penghalang untuk syarikat bumiputera ini terus berusaha dan kekal relevan. Malah, ia membakar semangat barisan pengurusanannya untuk mencapai aspirasi menjadi antara 10 syarikat pilihan di rantau ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr. Mohd. Abdul Karim Abdullah berkata, pendekatan ber-sambutan strategi pemijahan dan

Pada saya, penyertaan dalam VDP bukan sekadar untuk menjaga keuntungan. Sebaliknya, ia banyak memberi panduan dan inspirasi kepada syarikat baru untuk memenuhi segala syarat dan kriteria yang ditetapkan untuk menjadi maha dalam industri minyak dan gas."

MOHD. ABDUL KARIM ABDULLAH
 CEO Serba Dinamik



pengurusan kecorat yang baik telah berjaya mesampakkan impak yang positif.

Menurut beliau, pejabat usaha kini digunakan untuk memastikan cabaran semasa tidak menjejaskan operasi syarikat dan nilai perkhidmatan yang ditawarkan.

"Kami memastikan teras utama syarikat dalam perkhidmatan penyelesaian terutama sekali dalam sektor bulanan minyak dan gas sentiasa pada tahap optimum.

"Ini kerana selagi operasi sektor ini esasi berjalan, khidmat kami masih diperlukan. Jadi, kualiti dan

mutu perkhidmatan tetap menjadi keutamaan," kata Abdul Karim kepada Utusan Malaysia di sini baru-baru ini.

Beliau turut menekankan bahawa rekod kewangan syarikat yang kukuh juga menjadi faktor penilai bagi penglibatan dalam sesuatu projek.

"Selain itu, SDGB juga sentiasa menilai dan meninjau keperluan industri dengan memperibadikan perkhidmatan kejuruteraan, perolehan, pembinaan, pentauliahan, penyelenggaraan dan pengiraan kuasa," ujarnya.

Baru-baru ini, subsidi SDGB, Serba Dinamik Sdn. Bhd. (SDSB) menandatangani perjanjian bagi pembangunan industri dan komersial di Pengarang, Johor. Dengan termeterainya perjanjian tersebut, SDSB bakal mewujudkan Pusat Keperluan Global untuk urusan pengendalian kejuruteraan pertama di Malaysia.

Selain itu, penyertaan SDGB dalam Program Pembangunan Vendor Petronas (VDP) selama sembilan tahun bermula dari 1997, turut membantu menjaga lebih banyak peluang serta prospek dalam bidang penyediaan perkhidmatan.

"Saya sendiri dilatih dan mendedai bimbingan menerusi VDP dan berkongsi pengalaman menerusi forum, diskusi dan jersayawara yang saya hadiri," kata Abdul Karim.

"Pada saya, penyertaan dalam VDP bukan sekadar untuk menjaga keuntungan. Sebaliknya, ia banyak memberi paduan dan inspirasi kepada syarikat baru untuk memenuhi segala syarat dan kriteria yang ditetapkan untuk menjadi maha dalam industri ini. Bagi SDGB, ini adalah peluang bagi membuktikan kemampuan syarikat bumiputera tempatan," katanya.

Pada awal penubuhan di Bintulu, Sarawak, SDGB terlibat dengan projek penyelenggaraan bagi ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd., pengeluar ammonia dan urea.

Dari situ, SDGB telah mengedukasi tawaran perkhidmatannya, termasuklah penglibatan dalam penyelenggaraan loji penapisan, penjanaan tenaga serta industri lain seperti petrokimia, logam, infrastruktur dan bergunaan.

Malah, SDGB diliktrif dan ilihabikan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOISH) sebagai kontraktor yang diluluskan untuk pemasangan saluran gas di Malaysia. Ia juga turut disenaraikan oleh Petronas untuk menyatikan perkhidmatan perkhidmatan sekaligus membuka lebih banyak peluang kerjasama dengan subsidiari milik syarikat gergasi itu.

"Pengiktirafan tersebut membuktikan keupayaan dan kemampuan kami setaraf syarikat asing dan ia telah membuka jalan untuk kami menarik projek di luar negara. Ini kerana, kebanyakan syarikat antarabangsa memilih kredibiliti SDGB menerusi rekod kami bersama Petronas," katanya.

Rina pelanggan SDGB merangkumi syarikat global yang berpangkalan di Qatar, Turkmenistan, Arab Saudi, United Kingdom dan India.

Kemampuan SDGB juga terbukti apabila dianugerahkan di piala Bursa Malaysia pada Februari lalu.

Bagi memastikan program VDP yang diperkenalkan sejak tahun 1994 terus membantu vendor tempatan seperti SDGB banyak memberikan input bagi penambahbaikan perniagaan supaya terus memenangi kepercayaan semasa.

Melangkah lebih jauh, SDGB juga tidak mahu ketinggalan dalam keperluan dunia digital. Beberapa pendekatan diwujudkan dalam masa terdekat termasuk projek penyelidikan dan pembangunan (R&D). Bagi SDGB, pendekatan secara total ini akan membantu mencapai sasarannya menjadi antara 10 syarikat pilihan industri pada masa depan.

"Tidak kira apa sahaja cabaran yang perlu dilalui, kami akan terus berusaha untuk mencapai yang terbaik."

"Kami yakin ia tidak mustahil untuk terus berkembang maju di kala ini, sama ada melalui pemertolohan strategik dan pemertolohan peluang-peluang baru. Ini sekaligus membuktikan kami benar-benar bersedia untuk berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan syarikat antarabangsa yang lain," kata Abdul Karim.